




**LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
KENYATAAN TAWARAN
SEBUT HARGA BEKALAN / PERKHIDMATAN**

1. Tawaran daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** akan diterima di **Pejabat Bahagian Perancangan dan Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat MADA Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman** hingga **14 SEPTEMBER 2023, jam 12.00 tengahari**:-

BUTIRAN SEBUT HARGA	TARIKH DAN LOKASI TAKLIMAT PROJEK	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
SEBUT HARGA NO. MADA(SH)/BPTM/P/1/2023 PEROLEHAN PERKHIDMATAN MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH PORTAL BERSEPADU LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)	30 OGOS 2023 (RABU), Jam 10.00 pagi Berkumpul di Dewan Seri Padi, MADA Rice Training Center (MRTC), KM. 4, Jalan Langgar, 05400 Alor Setar Kedah Darul Aman Menghadiri taklimat adalah WAJIB kepada pemilik dengan membawa bersama sijil pendaftaran ASAL untuk diperiksa sebelum taklimat dijalankan.	Pengkhususan: Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod Bidang 210103, 210104 dan 210106	RM 20 (Satu Set) Bayaran tidak dikembalikan	14 SEPTEMBER 2023 (RABU) Jam 12.00 tengahari

2. Semua butiran dan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi di **Bahagian Perancangan dan Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat MADA Ampang Jajar, 05990 ALOR SETAR, Kedah Darul Aman** mulai **30 OGOS 2023** (selepas taklimat projek) sehingga **14 SEPTEMBER 2023** pada waktu dan hari bekerja.
3. Penyebutharga yang ingin membeli Dokumen Sebut Harga dikehendaki mengemukakan **Surat Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** yang asal untuk pemeriksaan dan satu Salinan bagi setiap surat pendaftaran tersebut diserahkan kepada pihak MADA sebagai rekod.
4. Dokumen tawaran juga boleh dibeli oleh wakil penyebutharga yang membawa **Surat Wakil Kuasa** serta dokumen yang disebutkan dalam **Perkara tiga (3)**. Sebut Harga ini **LAYAK** disertai oleh penyebutharga yang menghadiri sesi taklimat **SAHAJA**.

5. Bayaran bagi dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk bayaran secara atas talian **SAHAJA** dan dibayar atas nama **LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (CIMB BANK - 8006436723)** rujukan pembayaran **MADA(SH)/BPTM/P/1/2023**. Resit pembayaran perlulah dikemukakan sebelum dokumen diterima. Sebarang pembayaran dalam bentuk lain (kirim wang, wang kiriman pos berpaling, deraf bank, wang tunai dan cek) **TIDAK** diterima.
6. Penyebutharga mestilah mengemukakan **Tawaran Kewangan** dan **Tawaran Teknikal** di dalam dua (2) sampul surat berasingan yang berlakri dan dimasukkan ke dalam satu (1) sampul surat utama berlakri dengan menulis nombor Sebut Harga tersebut pada ketiga-tiga sampul surat tersebut, kemudian dimasukkan ke dalam peti tawaran yang disediakan di pejabat seperti alamat di atas, sebelum daripada waktu tutup penerimaan Sebut Harga ini.
7. Dokumen Sebut Harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan berbangkit daripada sebarang sebab tidak akan dipertimbangkan.
8. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak akan bertanggungjawab ke atas kegagalan penerimaan Dokumen Sebut Harga serta kegagalan dokumen sokongan atau kehilangan borang-borang berkaitan Sebut Harga tersebut.
9. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran.



.....
RUSLAN ABDUL GHANI BIN AHMAD
Pegawai Bahagian Perancangan dan Teknologi Maklumat
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)

Tarikh: 22 Ogos 2023